

Doa Minta Ampun

Petikan dari Kitab [Zabur Surah 51](#).

Untuk pemimpin muzik. Mazmur Daud apabila ditegur oleh Natan kerana berzina dengan Batsyeba.

¹Kasihnilah aku, Ya Allah, demi kasih setia-Mu yang kekal;

demi belas kasih-Mu yang melimpah hapuskanlah dosaku.

²Bersihkan aku daripada kejahatanku, sucikan aku daripada dosaku.

³Kerana aku mengakui kesalahanku, dan sentiasa sedar akan dosaku.

⁴Kepada-Mu, hanya kepada-Mu, aku berdosa dan melakukan kejahatan di pandangan-Mu, maka Engkau didapati benar dalam kata-kata-Mu, dan penghakiman-Mu tidak bercela.

⁵Aku telah dilahirkan dalam kejahatan, dan dalam dosa ibuku menghamilkan aku.

⁶Engkau menghendaki kebenaran dalam diri;

dan di lubuk jiwaku Engkau akan mengajarku mengenal kebijaksanaan.

⁷Bersihkan aku dengan zufa, supaya aku suci;

basuhlah aku sehingga lebih putih daripada salji.

⁸Perdengarkan kegembiraan dan keriaan kepadaku;

supaya tulang-tulangku yang Kaupatahkan dapat bersukacita.

⁹Sembunyikan wajah-Mu daripada dosaku dan hapuskan segala kejahatanku.

¹⁰Ciptakan hati yang bersih dalam diriku, Ya Allah, dan pulihkan semangat waja dalam jiwaku.

¹¹Jangan singkirkan aku dari hadirat-Mu dan jangan ambil Roh Suci-Mu daripadaku.

¹²Bahagiakan aku semula dengan penyelamatan-Mu dan kuatkan aku dengan Roh-Mu yang pemurah.

¹³Maka aku akan mengajar orang yang ingkar tentang jalan-Mu, dan orang berdosa akan kembali taat kepada-Mu.

¹⁴Selamatkan aku daripada kesalahan menumpahkan darah, Ya Allah, Allah Penyelamatku, maka suaraku akan lantang menyanyikan kebaikan-Mu.

¹⁵Ya Tuhan, bukakan mulutku, aku akan mengisytiharkan puji-pujian bagi-Mu.

¹⁶Kalaulah Engkau bersukacita dengan korban, tentu kupersembahkan;

Engkau tidak berkenan akan korban yang dibakar.

¹⁷Korban untuk Allah ialah hati yang hancur;

hati yang hancur dan sesal, Ya Allah, tidak akan Kauremehkan.

¹⁸Limpahkanlah rahmat-Mu kepada Sion, Ya Allah;

binalah tembok-tembok Baitulmaqdis.

¹⁹Maka Engkau akan berkenan dengan persembahan yang benar, dengan korban yang dibakar;

mereka akan mempersembahkan lembu korban di mazbah-Mu.